



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

19 FEBRUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 5,359 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 303,469 kes. Tujuh (7) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Sandakan dan masing-masing satu (1) kes di daerah Tawau, Kota Marudu, Sipitang, Tenom serta Kudat. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 3,506 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 255,653 orang. Manakala 2,834 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,421 orang di hospital, 1,293 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 119 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 63 orang merangkumi 46 di ICU/repurposed kritikal care serta 17 di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 35 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 77 (26.92%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian susut 206 kes hari ini berbanding jumlah kelmarin kepada 5,359 kes.
- b. Secara keseluruhan jumlah kes baharu di daerah-daerah di Sabah adalah bercampur campur, ada daerah yang mencatatkan penurunan dan tidak kurang pula daerah-daerah yang mencatat pertambahan kes. Dengan peratusan jumlah kes jangkitan sporadik (dalam komuniti) yang masih tinggi (hampir 61.4% hari ini), agak mudah untuk meramalkan bahawa jumlah kes harian dalam masa terdekat akan kekal tinggi.
- c. Kota Kinabalu kekal mencatatkan jumlah kes harian tertinggi di Sabah dengan 1,362 kes (-33) diikuti oleh Penampang dengan 583 (-25), Tuaran 494 (+174), Putatan 457 (+269), Papar 293 (-44), Lahad Datu 244 (-154), Tawau 243 (-187), Beaufort 233 (+75), Sandakan 207 (-82), Kota Belud 203 (-13), Keningau 166 (-49), Kota Marudu 150 (-14) dan Ranau 147 (+43).
- d. Daerah yang mencatat jumlah kes harian yang tinggi juga sinonim dengan peratusan jangkitan sporadik yang tinggi. Peratusan jangkitan sporadik di Kota Kinabalu hampir 62.5% daripada jumlah kes baharu, Penampang 64.1%, Tuaran 56.3%, Putatan 75.5%, Papar 56%, Lahad Datu 62.3%, Tawau 73.6%, Beaufort 68.2%, Sandakan 83% dan Kota Belud 60.6%. Kita boleh simpulkan bahawa jumlah kes harian yang tinggi setiap hari berpunca daripada jangkitan dalam komuniti yang sukar dibendung lantaran tidak diketahui punca dan tempat jangkitan berlaku.
- e. Cara terbaik untuk mengelak terdedah kepada jangkitan ialah mengelakkan berada dalam kumpulan orang yang ramai seperti tempat-tempat awam yang penuh sesak. Patuhi semua SOP dan nasihat KKM.

- f. Jumlah kanak-kanak bawah umur 11 tahun yang dijangkiti COVID-19 kekal tinggi iaitu 673 orang, 283 daripada mereka di bawah umur 5 tahun yang belum layak diberi vaksin. Seramai 390 orang lagi berumur antara 5 - 11 tahun yang belum menerima vaksin walaupun sudah layak memperolehinya. Kedua kumpulan ini merupakan 12.56% daripada jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sabah hari ini. Amatlah disarankan agar ibubapa membawa anak-anak mereka yang sudah layak di vaksin untuk memperolehinya bagi mengurangkan risiko jangkitan atau kesan jangkitan yang lebih serius.
- g. Daripada 5,359 jangkitan baharu hari ini, 5,341 pesakit atau 99.66% adalah dalam Kategori 1 dan 2, sembilan (9) orang dalam Kategori 3, empat (4) orang dalam Kategori 4 dan lima (5) orang dalam Kategori 5.
- h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (1,782) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	22	0.41%
2	Kontak	1,782	33.25%
3	Bergejala	3,290	61.39%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	265	4.94%
JUMLAH		5,359	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (18 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 18/02/2022	Catatan Kes 19/02/2022	Perbandingan
1	Putatan	188	457	+269
2	Tuaran	320	494	+174
3	Beaufort	158	233	+75
4	Ranau	104	147	+43
5	Beluran	43	75	+32
6	Kinabatangan	39	48	+9
7	Telupid	27	32	+5
8	Sipitang	72	72	Mendatar
3	Kunak	49	38	-11
10	Tawau	430	243	-187
11	Lahad Datu	398	244	-154
12	Sandakan	289	207	-82
13	Keningau	215	166	-49
14	Papar	337	293	-44
15	Pitas	91	53	-38
16	Tongod	54	19	-35
17	Kota Kinabalu	1,395	1,362	-33
18	Tambunan	85	52	-33
19	Nabawan	52	26	-26
20	Penampang	606	583	-23
21	Kuala Penyu	85	64	-21
22	Tenom	74	55	-19
23	Semporna	34	19	-15
24	Kota Marudu	164	150	-14
25	Kota Belud	216	203	-13
26	Kalabakan	14	1	-13
27	Kudat	26	23	-3
JUMLAH		5,565	5,359	-206

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	9	429	851	0	73	1,362	11,268
Penampang	0	203	374	0	6	583	5,016
Tuaran	0	206	278	0	10	494	4,449
Putatan	0	111	345	0	1	457	1,777
Papar	0	116	164	0	13	293	3,120
Lahad Datu	0	40	152	0	52	244	2,607
Tawau	0	45	179	0	19	243	3,100
Beaufort	0	60	159	0	14	233	1,733
Sandakan	0	32	172	0	3	207	5,309
Kota Belud	6	69	123	0	5	203	1,654
Keningau	2	67	93	0	4	166	1,451
Kota Marudu	0	89	57	0	4	150	1,445
Ranau	5	55	67	0	20	147	1,801
Beluran	0	45	14	0	16	75	506
Sipitang	0	36	35	0	1	72	570
Kuala Penyu	0	53	11	0	0	64	788
Tenom	0	19	34	0	2	55	407
Pitas	0	31	20	0	2	53	357
Tambunan	0	10	42	0	0	52	453
Kinabatangan	0	22	21	0	5	48	536
Kunak	0	11	26	0	1	38	655
Telupid	0	17	15	0	0	32	475
Nabawan	0	12	14	0	0	26	263
Kudat	0	2	15	0	6	23	431
Tongod	0	0	19	0	0	19	165
Semporna	0	2	9	0	8	19	563
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	49
JUMLAH	22	1,782	3,290	0	265	5,359	50,948

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Jalan Pintas Sembulan	1
	Kluster Sutera 2	8
Ranau	Kluster Jalan Sugut Ranau	2
	Kluster Kemburongoh 2	3
Keningau	Kluster Access Menawo	2
Kota Belud	Kluster Batu Enam Kota Belud	4
	Kluster Pengkalan Abai	2
Jumlah		22

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini..

7 Jumlah kapasiti katil 4,589 unit

- Hospital 1,754 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,379 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 428 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 67.76%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 19 FEBRUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	5,339
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	19
Jumlah	5,359

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Sepanyol	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	5,166
Bukan Malaysia	193
Jumlah	5,359

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	283
Belum Menerima Vaksin (5-11)	390
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	333
Menerima 1 Dos	7
Lengkap 2 Dos	3,097
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	1,249
Jumlah	5,359

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	47
1 to 4	236
5 to 11	394
12 to 17	345
18 to 25	873
26 to 59	3,116
>60	348
Jumlah	5,359

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 18 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 12,382 orang. Daripada jumlah ini, seramai 10,289 orang adalah penduduk dewasa, 66 orang adalah penduduk remaja 2,027 orang adalah penduduk kanak-kanak.

- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 18 Februari 2022 adalah seramai 2,475,935 orang. Ini meliputi 2,118,302 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 77.98% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,412,295 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,098,850 orang atau 77.26% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 338,215 orang atau 79.36% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,445 atau 73.54% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 19,418 atau 4.72% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **682,629** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

- #### **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**
- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 200 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 48 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
 - 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 966 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.

- ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 645 premis perniagaan dan 3380 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 341 Premis Perniagaan melibatkan 138 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 135 anggota.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 34 premis, melibatkan 16 buah BBP pada hari ini.
- 6 Sejumlah 135 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 138 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	97.8%
2	Kudat	97.7%
3	Beluran	97.7%
4	Kinabatangan	97.7%
5	Kunak	97.6%
6	Sipitang	97.6%
7	Ranau	97.6%
8	Tenom	97.6%
9	Kota Marudu	97.4%
10	Beaufort	97.4%
11	Keningau	97.3%
12	Kota Belud	97.3%
13	Sandakan	97.3%
14	Tuaran	97.3%
15	Lahad Datu	97.2%
16	Papar	97.2%
17	Kota Kinabalu	97.2%
18	Tawau	97.2%
19	Penampang	97.2%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II